



**TEKS PERUTUSAN TAHUNAN  
YH. PROF. DATO' DR. MOHAMED SAID BIN MAT LELA  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS PERUTUSAN TAHUNAN NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG 2008**

**TARIKH  
RABU, 6 FEBRUARI 2008**

**MASA  
3.00 PETANG**

**TEMPAT  
AUDITORIUM KOMPLEKS PENYIARAN PAHANG,  
KUANTAN**

**TEKS PERUTUSAN TAHUNAN  
YH. PROF. DATO' DR. MOHAMED SAID BIN MAT LELA  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS PERUTUSAN TAHUNAN NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG 2008  
DI AUDITORIUM KOMPLEKS PENYIARAN PAHANG PADA HARI RABU,  
6 FEBRUARI 2008 PUKUL 3.00 PETANG**

---

**"MEMPERKUKUH ASAS, MENJANA KECEMERLANGAN"**

**SALUTASI**

1. Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Sabaruddin bin Mohd,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa);

Yang Berbahagia Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim,  
Pendaftar;

Yang Berbahagia Encik Zainuddin bin Othman,  
Bendahari;

Yang Berbahagia Tuan Haji Ruslan bin Che Pee,  
Ketua Pustakawan;

Yang Berbahagia Profesor-profesor, Dekan-dekan  
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Yang Berusaha Saudara Salman bin Razeni,  
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar;

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sidang hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.

**KATA PEMBUKA**

2. Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Taala, Tuhan Seru Sekalian Alam, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya, maka kita telah berpeluang untuk bertemu dan berjumpa pada petang yang berbahagia ini.
  
3. Majlis yang diadakan pada petang ini amatlah penting, memandangkan kita baru sahaja melangkah masuk ke tahun baru 2008 Masihi dan 1429 Hijrah. Kita masuki tahun baru ini dengan penuh debaran, kerana kita masih belum tahu apakah cabaran, dugaan dan ujian yang akan sama-sama kita hadapi dan tempuhi. Namun begitu, dengan semangat yang telah ditekadkan, ditambah pula perencanaan yang telah dimuktamadkan secara strategik, Insya-Allah, kita sekalian, warga Universiti Malaysia Pahang sentiasa bersedia menghadapi apa jua cabaran pada tahun 2008 ini.
  
4. Menyedari hakikat bahawa Universiti Malaysia Pahang kini telah berada di sekitar pertengahan fasa pembangunannya iaitu 45 peratus, maka saya telah memilih "Memperkuh Asas, Menjana Kecemerlangan" sebagai tema perutusan bagi tahun 2008 ini.

**IMBASAN PENCAPAIAN 2007**

5. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Sebelum kita melihat dengan teliti perancangan untuk tahun 2008, eloklah kita mengimbas kembali pencapaian UMP sepanjang tahun 2007. Pada 1 Februari 2007, Universiti Malaysia Pahang telah diperbadankan bagi menggantikan Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia. Ini merupakan satu perkembangan yang amat positif, kerana organisasi kita kini dikenali sebagai Universiti dan bukan lagi Kolej universiti.

6. Pengisytiharan nama dan pelancaran logo baru UMP telah dilakukan disempurnakan dengan penuh gemilang oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang di Hotel Marriot Putarajaya pada 1 April 2007 yang lalu. Kita juga telah menyempurnakan pelancaran pembinaan Kampus Tetap UMP pada 30 Jun 2007 yang lalu di Kuala Pahang. Seterusnya, kita telah menganjurkan dengan jayanya Majlis Konvokesyen Kedua UMP pada 1 Disember 2007 yang lalu.

7. UMP telah memenangi banyak anugerah dalam Pertandingan Rekaipta dan Inovasi di dalam dan di luar negara. Penyelidik UMP memenangi pingat emas di Malaysian Technology Expo 2007, di *International Invention, Innovation and Technology Exhibition* atau ITEX'07 dan di

*International Exhibition of Ideas – Inventions of New Products* atau IENA.

Pada kesempatan ini, saya mewakili semua warga UMP merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua penyelidik berkenaan. Kejayaan ini amatlah kita banggakan dan merupakan langkah sulung menempa kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

8. Kita juga banyak memberi sumbangan kepada masyarakat setempat. Sekumpulan profesor UMP telah merangka Pelan Induk Bioteknologi Negeri Pahang. Selain itu, ramai staf akademik dan pentadbiran Universiti telah meyumbang ke arah pembangunan masyarakat dan badan profesional di negara ini. Tahniah juga saya rakamkan kepada semua.
9. Dari segi pengambilan pelajar, pelajar kita menghadapi cabaran yang besar kerana kemasukan pelajar ke Universiti ini sepatutnya lebih ramai daripada yang mendaftar. Namun begitu, saya percaya kita telah berusaha sebaik mungkin untuk memastikan UMP menjadi Universiti pilihan utama bakal pelajar. Saya berharap cabaran untuk merealisasikan objektif ini dapat kita lakukan bersama pada tahun 2008.
10. Dari segi pengurusan Universiti, kita telah menghalusi perancangan strategik 2006 – 2010 bagi merangka Pelan Strategik UMP 2008-2010. Satu Jawatankuasa Penyedia Pelan Strategik yang dipengerusikan oleh Profesor Dr. Sabaruddin bin Mohd, Timbalan Naib Canselor (Akademik

dan Antarabangsa) telah dibentuk. Alhamdulillah, Pelan Strategik berkenaan telah dirangka dan saya sendiri telah bersetuju dengan apa yang dicadangkan dan Insya-Allah kita akan mendapat persetujuan daripada Lembaga Pengarah Universiti dalam masa yang terdekat.

11. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Profesor Dr. Sabaruddin sebagai Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasanya serta semua pihak yang terlibat dalam penyediaan dokumen tersebut.

### **KENAPA KITA PERLU MEMPERKUKUH ASAS?**

12. Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Dalam perutusan tahunan Menteri Pengajian Tinggi baru-baru ini, beliau telah menegaskan bahawa seluruh warga KPT hendaklah meletakkan tanda mutu 'tertinggi' dalam apa jua urusan yang dijalankan. Nama Kementerian Pengajian Tinggi itu sendiri menuntut kita melakukan setiap urusan dengan mutu 'tertinggi'. Antara lain, Yang Berhormat Menteri menekankan bahawa mutu kerja kita mestilah pada tahap tertinggi, akhlak kita mestilah pada tahap terbaik, penyelidikan yang dijalankan mestilah bermutu tinggi dan paling utama, sistem penyampaian di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi mestilah juga berada pada tahap terbaik.

13. Justeru, sebagai warga sebuah IPTA yang bernaung di bawah KPT, saranan tersebut hendaklah diberi perhatian yang serius oleh kita semua. Untuk menempatkan Universiti ini pada tahap yang tertinggi, kita semua mestilah bersedia melakukan anjakan paradigma secara menyeluruh. Cara kita berfikir yang selalunya *typical* dan stereotaip hendaklah diubah menjadi lebih kreatif dan progresif. Untuk maju ke hadapan, kita hendaklah lengkapkan diri kita dengan ilmu. Untuk menjadi kompeten dan profesional serta diiktiraf dunia, pegawai dan kakitangan Universiti ini mesti bersusah-payah meneroka bidang-bidang baru dalam pengurusan dan pentadbiran, penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran.
  
14. Sebelum kita menobatkan UMP sebagai sebuah universiti teknikal berteraskan kompetensi bertaraf dunia, kita perlulah terlebih dahulu MEMPERKUKUH ASAS pembangunan Universiti ini. Saya mengajak tuan-tuan dan puan sekalian untuk melihat dan menilai kejayaan yang telah dicapai oleh negara kita dalam tempoh 50 tahun semenjak kemerdekaan. Dalam masa kegawatan ekonomi 10 tahun lepas, negara-negara tetangga kita terpaksa tunduk kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa atau IMF untuk memulihkan ekonomi, tetapi tidak negara kita. Kenapa? Kerana negara kita punya asas ekonomi yang kukuh. Kita juga dapat melihat ketidakstabilan iklim politik di negara-negara luar seperti Pakistan dan Kenya, tetapi tidak di negara kita. Kenapa? Kerana

negara kita punya asas politik yang kukuh. Kita juga dapat melihat ketidakstabilan sosial yang mengakibatkan kekacauan dan huru-hara di negara-negara luar seperti Iraq, Afghanistan dan Palestin, tetapi tidak di negara kita. Kenapa? Kerana kita punya asas sosial yang kukuh. Kontrak sosial antara kaum-kaum utama di negara ini ketika kita memuktamadkan kemerdekaan pada tahun 1957 dan saat penubuhan Malaysia pada tahun 1963 menjadi asas perpaduan serta penyatuan Bangsa Malaysia.

15. Justeru, bermula 2008 sehingga tahun 2010, pengurusan tertinggi Universiti telah memutuskan supaya penekanan tertinggi diberikan ke arah memperkukuh asas yang telah diletakkan ketika tahun-tahun awal penubuhan Universiti ini. Mana mungkin kita boleh bergerak maju jika asas-asas Universiti ini masih longgar dan lemah. Menyedari hakikat ini, pengurusan tertinggi Universiti bersama Dekan-dekan dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab telah melihat meneliti perkara ini dengan sedalam-dalamnya. Untuk makluman semua, kita telah memuktamadkan Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang untuk tahun 2008-2010. Dokumen Pelan Strategik ini telah melalui proses pra-persediaan sejak Ogos 2007 lagi, dirangka pada Disember 2007, dimurnikan pada pertengahan Januari 2008 dan telah dimuktamadkan atas dasar konsensus oleh Pengurusan Tertinggi, para dekan dan ketua pusat tanggungjawab di Melaka pada 26 Januari 2008 yang lalu.



16. Insyallah, setelah dibawa untuk pertimbangan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 18 Februari yang akan datang, kita akan bergegas melaksanakan apa yang kita rancang. Pada masa yang sama, Dokumen Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang 2008-2010 akan dilancarkan dalam masa yang terdekat. Saya secara tegas berpandangan bahawa Pelan Strategik ini hendaklah dihebahkan kepada umum. Ini kerana Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang 2008-2010 adalah instrumen terpenting yang akan menggerakkan agenda perdana untuk memperkukuh asas dan seterusnya menjana kecemerlangan Universiti Malaysia Pahang.

17. Kita perlu menyatakan kepada Kerajaan, pihak-pihak berkepentingan dan pelanggan kita bahawa kita bergerak pantas untuk menyumbang ke arah pembangunan modal insan negara. Dokumen Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang juga merupakan testimoni bahawa kita bergerak seia dan sekata, senada dan seirama dengan Kerajaan terutamanya Kementerian Pengajian Tinggi. Apatah lagi, Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang 2008-2010 ini telah digubal dengan mengambil kira Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

**MEMPERKUKUH PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN TERHADAP VISI UMP**

18. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebelum saya memperincikan asas-asas yang perlu diperkukuhkan oleh kita semua pada tahun 2008, saya ingin menarik perhatian dan *refresh* kembali ingatan tuan-tuan dan puan-puan kepada apa yang boleh saya anggap sebagai tonggak agung Universiti Malaysia Pahang. Selalu kita sebut dan war-warkan dan perlu juga kita fahami dan hayati secara mendalam iaitu Visi, Misi, Falsafah dan Nilai-nilai Teras UMP.

19. Kita semua punya satu cita-cita yang besar terhadap Universiti ini. Sejarah dunia telah membuktikan bahawa kebanyakan pencapaian dan penemuan agung dalam dunia ini bermula dengan impian dan angan-angan. Kerana kagum dengan kehebatan burung yang bebas berterbangan di udara, maka manusia berangan-angan untuk terbang. Angan-angan ini menjadi kenyataan apabila Wilbur dan Orville Wright berjaya menerbangkan pesawat udara yang pertama di dunia pada tahun 1903.

20. Demikianlah halnya dengan kita semua di Universiti ini. Walaupun usianya baru mencecah enam tahun, namun Universiti Malaysia Pahang mempunyai visi untuk menjadi universiti teknikal berteraskan kompetensi

bertaraf dunia. Justeru, untuk mencapai taraf dunia ini, maka segala urusan yang kita jalankan mestilah mempunyai kualiti yang tinggi.

Mentaliti kita mestilah mentaliti kelas pertama;

Budaya kerja kita mestilah budaya kerja profesional;

Kita mestilah mampu menguasai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik;

Akhlak dan tingkah laku kita mestilah menggambarkan imej kita sebagai penjawat awam yang profesional;

Pengajaran dan pembelajaran kita mestilah bermutu tinggi dan berkesan, dan universiti kita mestilah mempunyai jaringan kerjasama yang erat dan rapat dengan institusi-institusi lain di seluruh dunia.

21. Justeru, pada tahun 2008 ini, saya mengharapkan anjakan paradigma yang besar dalam cara kita bekerja dan berfikir.

**MEMPERKUKUH PEMAHAMAN PENGHAYATAN DAN TERHADAP MISI  
UMP**

22. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Kita telah nyatakan pada umum dalam misi UMP bahawa *"Kami menyediakan pendidikan teknikal berkualiti melangkaui kehendak pihak berkepentingan dengan menawarkan program akademik yang cemerlang melalui persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi."*

23. Oleh kerana pada peringkat awal tadi telah saya nyatakan bahawa Universiti ini berada pada tahap 45 peratus dalam pembangunannya, maka tahun 2008 adalah tahun untuk kita berusaha bersungguh-sungguh mengotakan apa yang dikata. Apa yang telah tercatat dalam pernyataan misi UMP perlulah dilaksanakan.

Bagaimanakah boleh kita sediakan pendidikan teknikal berkualiti jika tenaga pengajar dan kurikulum masih perlu diperkasakan?

Bagaimanakah boleh kita penuhi *expectation* pihak berkepentingan atau *stake holders* jika kita kurang mendampingi dan menghargai mereka?

Bagaimanakah kita boleh menawarkan program akademik yang cemerlang jika kurang kemahiran dan kepakaran?

Dan bagaimanakah budaya inovasi dan kreativiti dapat disuburkan jika persekitaran kita kaku dan lesu?

24. Persoalan-persoalan ini saya lontarkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk kita renungi dan fikirkan secara serius. Seringkali kita terperangkap dalam keadaan yang terlalu selesa sehingga akhirnya kita jadi alpa, leka dan hilang prioriti.

**MEMPERKUKUH PENGHAYATAN DAN PENILAIAN TERHADAP NILAI-NILAI**

**TERAS UMP**

25. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Sebagaimana tegaknya Rukun Negara iaitu ideologi nasional Malaysia oleh kelima-lima prinsipnya, begitulah jua Universiti Malaysia Pahang ini berdiri di atas kelima-lima nilai terasnya. Alangkah indah dan moleknnya jika setiap daripada kita dapat membudayakan kelima-lima Nilai Teras ini dalam urusan dan kelakuan. Alangkah indah dan moleknnya jika imej dan personaliti warga Universiti ini dikenali umum atas cerminan kelima-lima nilai teras ini.

26. Justeru, pada tahun 2008 ini marilah kita sama-sama menginsafi bahawa kelima-lima Nilai Teras Universiti Malaysia Pahang iaitu;
- a. Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta;
  - b. Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati;
  - c. Kreatif dan bijaksana dalam membuat keputusan;
  - d. Cekal dalam menghadapi cabaran; dan
  - e. Proaktif dalam tindakan;

perlu diperkukuhkan bagi memantapkan lagi tadbir urus, pembangunan modal insan, kemajuan fizikal dan kecemerlangan Universiti dalam fungsi utamanya.

27. Pertama sekali, untuk menjana kecemerlangan, kita semua mestilah punya hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta. Siapakah pencipta kita jika tidak Allah Taala, Tuhan Semesta Alam. Setiap kita mempunyai agama, anutan dan kepercayaan yang tertentu. Sebagai seorang Muslim, saya percaya bahawa untuk berjaya, saya perlu rapat dan hampir dengan Allah Taala. Bagi saya, kerja adalah ibadah. Jika kita

- niatkan yang baik, maka baiklah ganjaran Tuhan terhadap apa yang kita kerjakan, dan jika kita niatkan yang buruk dan menyeleweng, maka buruklah pula ganjaran Tuhan kepada kita. Tiada makna dan ertinya kecemerlangan jika jiwa kita kosong dan rohani kita kontang.
28. Kita diingatkan sebanyak lima kali sehari semalam semasa laungan azan bahawa marilah menunaikan solat dan marilah kita menuju kejayaan. Falsafah di sebalik laungan azan ini ialah jika kita mahu berjaya dan cemerlang, maka hendaklah melalui ibadah solat yang istiqomah. Justeru, kita mampu menanam pemikiran bahawa Tuhan sentiasa melihat apa yang kita kerjakan, maka kita akan lakukan kerja tersebut dengan bersungguh-sungguh dan tidak berlaku curang dan cuai.
29. Kedua, untuk menjana kecemerlangan, kita mestilah teguh mempertahankan prinsip yang disepakati. Visi, misi, falsafah dan Nilai Teras yang saya sebutkan tadi adalah prinsip yang telah kita sepakati. Kita semua yang berkhidmat di Universiti ini mestilah pula bersedia mendukung prinsip-prinsip yang disepakati ini. Itu adalah prinsip yang telah disepakati bersama. Jika mahu terus berkhidmat di Universiti ini, hormatilah prinsip-prinsip yang telah disepakati ini.
30. Dalam konteks ini, saya tertarik dengan mesej yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dalam pertemuan beliau dengan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri pada 30

Januari 2008 yang lalu. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah menegaskan bahawa setiap penjawat awam hendaklah memberikan penuh ketaatan dan kesetiaan kepada kerajaan yang memerintah atau *government of the day*. Yang Amat Berhormat Menteri Besar menambah bahawa dalam menunaikan kewajipan sebagai penjawat awam, kecenderungan politik kita hendaklah tidak dizahirkan. Ada di antara kita mungkin tidak bersetuju dengan dasar-dasar yang sedang dijalankan oleh kerajaan yang memerintah, namun selagi kita bergelar penjawat awam, perasaan hendaklah tidak dizahirkan kerana bertentangan dengan etika perkhidmatan kita. Jika ada di antara kita yang mahu juga menzahirkan penentangan kepada kerajaan yang sedang memerintah, maka tiada pilihan lain, buatlah permohonan untuk bersara awal atau letaklah jawatan. Demikian tegas Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dalam pertemuan tersebut. Mesej beliau amat jelas dan saya meminta tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk memberi perhatian yang serius komitmen kita kepada UMP.

31. Ketiga, kita semua mestilah kreatif dan bijaksana dalam membuat keputusan. Kreativiti dan kebijaksanaan adalah faktor utama yang membezakan orang yang progresif dan orang yang stereotaip. Orang yang progresif akan sentiasa meneroka pembaharuan. Orang yang sterotaip akan statik di tahap yang sama, negatif terhadap usaha



- pembaharuan dan enggan berganjak dari zon selesa. Akibatnya amatlah memudaratkan organisasi.
32. Medan utama membuat keputusan ialah mesyuarat. Di Universiti kita ada pelbagai mesyuarat; daripada mesyuarat yang bertujuan meneliti perjalanan sesuatu perkara hinggalah ke mesyuarat yang bertujuan membentuk dasar universiti. Apa yang diputuskan dalam mesyuarat hendaklah dilaksanakan. Jika keputusan yang dibuat itu mantap dan kemas, maka kukuhlah pelaksanaan apa yang diputuskan. Sebaliknya, jika keputusan yang dibuat itu lemah dan seolah melepaskan batuk di tangga, maka pincanglah tindakan yang hendak dilaksanakan.
33. Justeru, pada tahun 2008 ini, kita akan memperkukuh tatacara mesyuarat-mesyuarat utama Universiti. Ini adalah penting untuk meningkatkan keberkesanan governan universiti. Untuk membuat keputusan yang kreatif dan bijaksana, maka tatacara membuat keputusan dan mesyuarat perlu dimantapkan. Langkah ini telah dimulakan dengan memperkenalkan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi sebagai mesyuarat utama yang membuat keputusan dan dasar berkenaan pentadbiran, pembangunan dan kewangan universiti kita. Keputusan dan dasar yang telah dibuat oleh pengurusan tertinggi akan disampaikan pula kepada Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab melalui saluran Mesyuarat Eksekutif. Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab bertanggungjawab pula menyampaikan dasar dan

keputusan yang telah dibuat oleh pengurusan tertinggi kepada pegawai dan kakitangan masing-masing untuk dilaksanakan.

34. Barangkali ada yang *sceptical* dengan kaedah pengurusan mikro seperti ini. Tetapi prinsip dan mesej yang ingin saya ketengahkan untuk tahun 2008 ini bertujuan mengeluarkan kita sekalian daripada kepompong *complacence* dan menjadi lebih proaktif serta memiliki wibawa sebagai penjawat awam. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi akan sentiasa peka maklum balas pegawai dan kakitangan di peringkat akar umbi. Apabila ditanya tentang kemungkinan pendekatan pintu terbuka sesetengah penjawat jawatan-jawatan utama di dalam Perkhidmatan Awam menyebabkan berlaku fenomema '*micro-management*', Tan Sri Mohd. Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara menegaskan:-

*"How do you initiate change? It is purely and strictly through leadership by example...a good manager will expound and spread the change down fast; first through fear of monitoring then through discipline of adherence which in time will convert to habitual second nature actions...therefore we need to first micro-manage when driving discipline."*

35. Saya melihat pada tahun 2007 dan tahun-tahun sebelumnya, terdapat banyak keputusan dan dasar yang telah dibuat tidak sampai ke peringkat akar umbi. Perkara ini perlu diperbaiki pada tahun ini dan saya telah

mengarahkan Tuan Pendaftar untuk menyemak dan meneliti penstrukturan semula tatacara mesyuarat-mesyuarat pentadbiran di Universiti ini di peringkat Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Tertinggi, antara Pusat-pusat Tanggungjawab dan di peringkat setiap Pusat Tanggungjawab.

36. Keempat, untuk menjana kecemerlangan, kita mestilah cekal menghadapi cabaran. Saya telah menegaskan pada bulan Januari yang lalu bahawa tahun 2008 merupakan tahun untuk kita gerakkan pengurusan Universiti ini dengan agresif. Apa yang dimaksudkan agresif di sini ialah agresif dalam kerangka profesionalisme dan tatacara yang telah digariskan. Ini tentu sekali menuntut kita untuk bertindak secara proaktif dan itulah nilai teras kita yang kelima. Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab mestilah proaktif menambahbaik sistem penyampaian di peringkat Pusat Tanggungjawab masing-masing. Perkhidmatan yang terbaik hendaklah disediakan kepada para pelanggan kita. Kita mestilah seboleh mungkin berusaha meminimumkan jumlah rungutan daripada para pelanggan yang berurusan.

**PELAN STRATEGIK UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG 2008-2010:**

**KATALIS PECUTAN KEJAYAAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

37. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Sebagai sebuah IPTA, tumpuan utama kita adalah menyediakan program akademik yang berkualiti supaya kita dapat menjana graduan yang holistik dan berdaya saing.

38. Pelan Strategik UMP 2008-2010 adalah dokumen yang akan memandu kita sekalian untuk menjana kecemerlangan di atas asas-asas yang akan diperkukuhkan. Secara umumnya, Pelan Strategik UMP 2008-2010 ini mengekalkan semua sepuluh Faktor Kritikal Kejayaan atau CSF ke arah mencapai lima objektif untuk tempoh 2008 hingga 2010. Kelima-lima objektif ini adalah:

- a. Mempertingkatkan penawaran program akademik yang inovatif dan relevan industri;
- b. Mempertingkatkan kualiti sumber manusia;
- c. Memastikan Universiti mencapai piawaian antarabangsa;
- d. Memperkasakan sistem dan operasi; dan
- e. Memperbanyakkan kerjasama menang-menang dengan pihak berkepentingan.

39. Dengan sedikit pengubahsuaian dan penambahbaikan, Pelan Strategik UMP 2008-2010 dirangka sebegitu rupa untuk menjajarkannya dengan Pelan Strategik Pengajian Pengajian Tinggi Negara. Dengan perubahan masa, keperluan dan iklim semasa politik dan sosio-ekonomi, strategi-strategi baru akan diperkenalkan berserta inisiatif-inisiatif pelaksanaan yang perlu direalisasikan.
40. CSF-CSF yang telah kita kenal pasti dan perkasakan dalam Pelan Strategik UMP 2008-2010 adalah asas kukuh yang akan Insya-Allah, menjana kecemerlangan Universiti ini. CSF-CSF tersebut mengikut urutan keutamaannya ialah:
- a. Governan;
  - b. Pembangunan modal insan;
  - c. Pengajaran dan pembelajaran;
  - d. Akses dan sosioekonomi;
  - e. Penjaminan kualiti;
  - f. Penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan;
  - g. Pembelajaran sepanjang hayat;
  - h. Pengantarabangsaan;
  - i. Nilai tambah berasaskan teknologi; dan
  - j. Mekanisme pembiayaan.

**CSF 1: GOVERNAN**

41. Governan yang kukuh, berkredibiliti dan berakauntibiliti akan menjana kecemerlangan sesuatu organisasi. Justeru, pada tahun 2008 ini, kita masih mengekalkan governan sebagai CSF paling utama yang memerlukan perhatian serius.

Bagi memperkasa governan Universiti Malaysia Pahang bermula tahun ini hingga tahun 2010, pengurusan tertinggi telah memuktamadkan lima strategi utama iaitu:

- a. Memantapkan penstrukturan organisasi secara berterusan;
  - b. Memantapkan pengisian jawatan;
  - c. Melaksanakan *Total Quality Organization* atau TQO dan *Total Quality Management* atau TQM secara berterusan;
  - d. Memantapkan pelaksanaan Petunjuk Utama Prestasi atau KPI secara menyeluruh dalam pengukuran prestasi sistem penyampaian; dan
  - e. Pembangunan dan pengubahsuaian dasar-dasar.
42. Saya melihat bahawa struktur organisasi UMP yang sedia ada kini perlu dimantapkan. Masih terdapat ruang-ruang yang perlu diperbaiki bagi

memantapkan struktur organisasi. Perlu diingat bahawa sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan, kita masih tertakluk kepada norma semasa organisasi sebuah jabatan dalam perkhidmatan awam. Ini akan mempermudah urusan kita dan paling utama dapat mengelakkan kekeliruan.

43. Dari segi pembangunan dan pengubahsuaian dasar-dasar pula, mulai tahun 2008 ini kita akan mengkaji dasar penurunan kuasa ke Pusat-pusat Tanggungjawab dalam aspek pengurusan sumber manusia, kewangan dan akademik. Selain itu, bagi meningkatkan daya saing para *associates*, khususnya pegawai akademik, dasar pembangunan profesional berterusan atau CPD akan dibangunkan. Insya-Allah, pada tahun 2008 ini juga kita akan mengenal pasti dan meluluskan dasar latihan yang bersesuaian. Saya juga meletakkan harapan yang tinggi bahawa dasar akademik, dasar pertukaran staf dan dasar pertukaran pelajar akan siap dibangunkan pada tahun ini juga. Jabatan Pendaftar, Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti dan Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa adalah pelaksana utama yang akan berperanan menjayakan CSF ini.

**CSF 2: PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

44. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Modal insan yang berkualiti adalah pemangkin kejayaan sesuatu organisasi. Justeru, pemantapan governan Universiti ini adalah amat bergantung kepada pembangunan modal insan yang menjadi nadi penggerak UMP. Sebagai CSF yang kedua, kita mensasarkan enam strategi utama dalam pembangunan modal insan mulai tahun 2008 iaitu:

- a. Meningkatkan bilangan pensyarah yang memiliki ijazah Doktor Falsafah atau setaraf dan meningkatkan bilangan *postdoctorate*;
- b. Meningkatkan latihan pengurusan kepimpinan staf akademik dan bukan akademik;
- c. Meningkatkan bilangan staf sangkutan di industri;
- d. meningkatkan program pembangunan profesional bagi staf bukan akademik;
- e. Meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris di kalangan staf bukan akademik; dan
- f. Memperkasa program pengurusan ilmu.



45. Saya melihat bahawa pada tahun 2008 ini, tahap profesionalisme para pegawai dan kakitangan Universiti ini perlu ditingkatkan. Masih banyak yang perlu diperbaiki dalam hal ini. Budaya ilmu dan ingin belajar mestilah tersemat kukuh dalam diri setiap pegawai dan kakitangan universiti ini. Kita seringkali memandang remeh perkara-perkara seperti gaya penulisan dalam surat-surat rasmi, penyediaan kertas-kertas kerja, cara pertuturan dan sebagainya, sedangkan itulah yang mencerminkan imej Universiti kita. Kunci utamanya ialah sentiasa belajar daripada kesilapan. Kesilapan yang telah dilakukan hendaklah tidak diulangi. Dalam hubungan ini, Jabatan Pendaftar dan fakulti-fakulti mempunyai peranan yang besar.
46. Justeru saya berharap, pada tahun 2008 ini, melalui strategi-strategi pembangunan modal insan yang telah direncana, kita dapat melahirkan pegawai dan kakitangan yang kompeten, berilmu, profesional dan berwibawa. Tidak mustahil suatu hari nanti, budaya kerja cemerlang dan profesional dalam iklim korporat yang kita amalkan menjadi contoh untuk dirujuk oleh jabatan dan agensi lain dalam perkhidmatan awam.

**CSF 3: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

47. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti akan menjamin kecemerlangan program akademik yang ditawarkan dan graduan yang bakal dihasilkan. Justeru, kita memerlukan pegawai-pegawai akademik yang berkualiti tinggi dan kompeten untuk mendidik dan membimbing pelajar-pelajar kita. Melalui strategi yang telah digariskan dalam CSF yang kedua iaitu pembangunan modal insan, saya meletakkan harapan yang tinggi bahawa para pegawai akademik kita berupaya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelajar.

48. Dengan pengajaran dan pembelajaran sebagai CSF yang ketiga, perkara-perkara yang akan diberikan perhatian khusus mulai tahun 2008 ialah:

- a. Penggunaan Bahasa Inggeris;
- b. Latihan Industri;
- c. Program kemahiran pengajaran dan pembelajaran untuk pensyarah baru;
- d. Pelaksanaan OBE dalam perancangan dan pengendalian program pengajian; dan
- e. Semakan berkala semua kurikulum akademik.

49. Kita tidak menafikan kepentingan dan ketinggian taraf Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Namun, dalam keadaan dunia yang semakin global dan kompetitif, setiap seorang daripada kita, apatah lagi para pelajar mestilah menguasai Bahasa Inggeris. Justeru, dalam konteks penggunaan Bahasa Inggeris, mulai tahun 2008 ini kita akan meningkatkan penggunaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks ini, saya berharap Dekan-dekan dapat memainkan peranan utama.
50. Selain itu, para pensyarah baru akan dikehendaki untuk mengikuti program P&P secara terancang. Pelajar adalah pelanggan utama kita, dan justeru para pensyarah bertanggungjawab memberikan yang terbaik kepada mereka. Graduan cemerlang yang terhasil daripada proses P&P yang berkualiti sudah pastinya akan mengangkat imej dan martabat Universiti kita. Ini ditambah pula dengan pendekatan P&P yang menarik, seperti menjadikan penyelidikan sebagai salah satu kaedah pengajaran. Kita juga mensasarkan bahawa mulai tahun 2008 ini, kita dapat mengubahsuai dan membina bilik dan dewan kuliah yang berkonsepkan OBE atau SCL bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi menjayakan hasrat ini, saya percaya Pusat Pembangunan Staf Akademik akan terus memainkan peranan utama.

**CSF 4: AKSES DAN SOSIOEKONOMI**

51. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Akses dan sosioekonomi diletakkan sebagai CSF yang keempat dalam Pelan Strategik UMP 2008-2010. Sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam, Universiti Malaysia Pahang perlulah berupaya membantu kerajaan meningkatkan akses calon-calon yang berkelayakan untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat diploma dan ijazah. Dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, kerajaan mensasarkan enrolmen keseluruhan sebanyak 90,000 orang pelajar untuk program ijazah lanjutan; 360,000 orang pelajar untuk program ijazah pertama dan 140,000 orang pelajar untuk program Diploma.

52. Dalam hal ini, kita akan turut sama berperanan bagi membantu kerajaan menjayakan matlamat ini. Untuk itu, mulai tahun 2008 ini, Universiti ini akan meningkatkan bilangan pengambilan pelajar dan menawarkan program-program baru. Kementerian Pengajian Tinggi telah meluluskan penubuhan dua fakulti baru yang tujuh program akademik. Insya-Allah, kita juga akan memohon kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk memperkenalkan beberapa program akademik baru di Fakulti-fakulti yang sedia ada.

53. Pada 27 November 2007 yang lalu, saya telah berbincang dengan Dato' Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti di Kementerian Pengajian Tinggi berkenaan penyediaan laluan untuk pelajar-pelajar lepasan politeknik. Dalam konteks akses, saya yakin langkah ini akan menguntungkan kita dari segi enrolmen. Justeru, pada tahun 2008 ini, inisiatif akan diambil untuk menawarkan program Sarjana Muda Teknologi atau *B.Tech*. Justeru, bagi merealisasikan hasrat ini, saya harap Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa dapat menggerakkan usaha yang berkaitan.
54. Dalam konteks akses dan sosioekonomi juga, mulai tahun 2008 ini Universiti Malaysia Pahang akan memulakan kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Swasta atau IPTS terpilih. Beberapa program diploma dan ijazah yang telah diiktiraf akan ditawarkan oleh IPTS terpilih secara francais. Selain itu, mulai tahun ini juga, inisiatif awal akan diambil untuk memulakan kerjasama dengan Kolej-kolej Komuniti dan Institut-institut Latihan Kemahiran bagi menjalankan kursus-kursus persediaan di peringkat sijil. Saya berharap, Dekan-dekan dapat memainkan peranan utama.
55. Dalam konteks sosioekonomi secara khusus, saya melihat bahawa mulai tahun 2008 ini, program-program khidmat komuniti perlulah dipertingkatkan. Pada tahun-tahun sebelum ini pun, saya akui bahawa memang banyak projek khidmat komuniti yang telah dijalankan oleh pelajar-pelajar dan

*associates* Universiti ini. Namun, kebanyakan projek khidmat komuniti yang telah dijalankan sama ada di sekolah-sekolah atau kampung-kampung akhirnya berlalu begitu sahaja tanpa sebarang projek susulan. Justeru saya melihat bahawa mulai tahun 2008 ini kita perlu *strategise* projek-projek khidmat komuniti yang akan dijalankan. Dalam hal ini saya berpandangan bahawa fokus utama projek-projek khidmat komuniti yang hendak dilaksanakan adalah pembangunan kecemerlangan pendidikan di kawasan luar bandar.

56. Saya telah menyatakan bahawa dalam hal ini kita perlu *strategise*. Sasaran kita, Universiti Malaysia Pahang dikenali melalui jenama-jenama projek khidmat komunitinya. Di sinilah letaknya kewajipan sosial kita terhadap masyarakat dan dalam hal ini, Majlis Perwakilan Pelajar, badan-badan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta Pusat-pusat Tanggungjawab yang lain perlulah lebih proaktif mulai tahun ini. Semasa Hari Kualiti 2007 yang lalu juga telah saya nyatakan bahawa perlu diwujudkan satu anugerah khas mulai tahun ini untuk mengiktiraf *associates* kita yang banyak menyumbang kepada masyarakat.

**CSF 5: PENJAMINAN KUALITI**

57. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Kecemerlangan pengurusan dan program akademik yang ditawarkan adalah amat bergantung kepada keberkesanan penjaminan kualiti. Justeru, pada tahun 2008 ini, aspek penjaminan kualiti akan terus diberikan perhatian. Kita mensasarkan persijilan MS ISO 9001:2000 untuk pengajaran dan pembelajaran pada tahun ini disamping mengekalkan persijilan untuk latihan luaran. Selain itu kita juga mensasarkan persijilan MS ISO/IEC 17025 untuk fakulti-fakulti.

58. Strategi-strategi lain yang akan kita laksanakan dalam aspek penjaminan kualiti ini ialah mengiktiraf kecemerlangan staf akademik, menyeragamkan jaminan kualiti di peringkat fakulti dan jabatan serta menjalankan proses jaminan kualiti sendiri dan juga untuk pihak luar.

59. Kita semua maklum berkenaan dengan isu *ranking* dan *rating* universiti-universiti tempatan yang banyak diperkatakan sebelum ini. Penjaminan kualiti adalah antara aspek kritikal yang dinilai. Justeru dalam hal ini, Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti atau PPKPK dipertanggungjawabkan bagi merangka tindakan yang bersesuaian sebagaimana yang telah digariskan dalam Pelan Strategik UMP 2008-

2010. PPKPK juga dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan Pelan Strategik yang telah dirangka.

**CSF 6: PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGGOMERSILAN**

60. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Dalam perutusan tahunan Menteri Pengajian Tinggi pada 15 Januari 2008 yang lalu, beliau turut menyatakan bahawa universiti-universiti sepatutnya mampu mengeluarkan hasil penyelidikan atau *research ouput* yang terbaik. Di Universiti Malaysia Pahang, kita semua pada tahun 2008 ini akan menyahut seruan Yang Berhormat Menteri tersebut.

61. Mulai tahun 2008, sebanyak enam strategi akan dilaksanakan bagi memperkukuh penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan atau R, D & C. Keenam-enam strategi tersebut ialah:

- a. Memperbanyakkan geran penyelidikan;
- b. Memperbanyakkan penyelidikan prapengkomersilan;
- c. Menumpukan penyelidikan dalam bidang fokus iaitu kejuruteraan kimia, bioteknologi, automotif, pembuatan, pusat pengekstrakan, *biofuel* dan *biodegradable products*;
- d. Memperkukuhkan hubungan universiti-industri; dan



- e. Melahirkan pemimpin penyelidik.

Fungsi ini perlu digerakkan secara komprehensif oleh Jabatan Penyelidikan dan Inovasi.

- 62. Saya melihat bahawa sebenarnya banyak hasil penyelidikan kita yang boleh dikomersilkan. Sebagai contoh, semasa saya turun ke padang bersama sukarelawan universiti kita ketika kejadian banjir besar hujung tahun lepas, saya melihat bahawa banyak peluang yang boleh diambil oleh para penyelidik kita bagi membantu melicinkan operasi bantuan mangsa banjir. Apa yang perlu sekarang ialah para penyelidik kita perlulah turun ke padang, mengkaji dan menekuni isu atau masalah di peringkat tempatan dan dijadikan peluang penyelidikan.

### **CSF 7: PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**

- 63. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Dalam hadith baginda yang masyhur, Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam telah bersabda dengan maksud: *"Tuntutlah ilmu dari dalam buaian hingga ke liang lahad"*.

Pembelajaran sepanjang hayat adalah suatu usaha yang amat bermanfaat kepada seseorang individu kerana ia dapat memperbaiki dan meningkatkan kemahiran kerja, profesionalisme dan ilmu pengetahuan.

Pembelajaran sepanjang hayat merupakan agenda berterusan kita sejak awal lagi. Kekuatan kita dalam aspek ini adalah terletak kepada program-program berkaitan yang dianjurkan secara khususnya oleh Pusat Pengajian Berterusan dan Pembangunan Profesional atau CENFED. Di samping menyediakan kemudahan kepada masyarakat luar untuk mengikuti program secara separuh masa, pakej program pembelajaran sepanjang hayat yang ditawarkan adalah antara penyumbang pendapatan Universiti ini.

64. Justeru, untuk memperkukuhkan pembelajaran sepanjang hayat sebagai salah satu asas utama kecemerlangan Universiti ini, maka lima strategi telah dikenal pasti untuk dilaksanakan mulai tahun 2008 iaitu:
  - a. Bekerjasama dengan Fakulti dan Jabatan di UMP dalam penganjuran program pembelajaran sepanjang hayat;
  - b. Bekerjasama dengan agensi latihan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, konsultan luar dan industri dalam penganjuran program pembelajaran sepanjang hayat yang terpilih;

- c. Menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan badan profesional untuk pengiktirafan pembelajaran sepanjang hayat;
  - d. Melaksanakan program-program pembelajaran berterusan dan pembangunan profesional untuk tujuan khidmat komuniti, khususnya kursus kemahiran dan keusahawanan; dan
  - e. Penjanaaan pendapatan.
65. Saya meletakkan harapan bahawa dengan pengukuhan kualiti program pembelajaran sepanjang hayat yang ditawarkan dengan pakej yang menarik, Universiti kita mampu menarik lebih banyak penyertaan dan menjana lebih banyak pendapatan daripada penawaran program-program ini. Saya berharap pihak fakulti akan bekerjasama erat dengan CENFED untuk merealisasikan objektif murni ini.

### **CSF 8: PENGANTARABANGSAAN**

66. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Untuk menjana kecemerlangan Universiti ini, kita mestilah giat membuat penandaan aras atau *benchmarking*. Kita mungkin cemerlang di negeri atau negara sendiri, tetapi mungkin masih ketinggalan di peringkat antarabangsa. Yang pastinya, kita mestilah berusaha ke arah mencapai piawaian antarabangsa.

Justeru, pengantarabangsaan adalah suatu agenda penting yang akan terus diperkasakan. Pelbagai pendekatan dan program pengantarabangsaan telah dirangka mulai tahun 2008 ini bagi menjadikan Universiti ini lebih kompetitif. Kita semestinya mengimpikan Universiti Malaysia Pahang pada suatu hari nanti berada dalam peta pengajian tinggi dunia. Pernyataan visi kita iaitu untuk menjadi universiti teknikal berteraskan kompetensi bertaraf dunia itu sendiri pun sudah menjadi cabaran untuk kita mengantarabangsakan Universiti ini.

67. Mulai tahun 2008 ini, strategi pengantarabangsaan Universiti Malaysia Pahang akan mencakupi aspek-aspek berikut:
- a. Meningkatkan bilangan program pertukaran pelajar;
  - b. Meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa mengikuti program ijazah tinggi UMP;
  - c. Menggalakkan staf melibatkan diri di peringkat penyelidikan kebangsaan dan antarabangsa;
  - d. Meningkatkan hubungan dengan pensyarah antarabangsa;
  - e. Mewujudkan kumpulan pakar antarabangsa;
  - f. Meningkatkan taraf program prasiswazah ke taraf antarabangsa;  
dan
  - g. Penganjuran persidangan/seminar peringkat antarabangsa.

Fungsi ini memerlukan penglibatan aktif semua PTJ Akademik dengan sokongan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

**CSF 9: NILAI TAMBAH BERASASKAN TEKNOLOGI**

68. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Wawasan saya ialah untuk menjadikan Universiti Malaysia Pahang sebagai sebuah Universiti pilihan pertama, berjenama, terkemuka dan ternama. Barangkali pandangan yang *sceptical*, melihat ini sebagai suatu *utopia* bagi sebuah universiti yang baru berusia enam tahun. Ini sebenarnya adalah terjemahan wawasan UMP sendiri dan adalah sesuatu yang boleh kita capai bersama. Namun, seperti yang telah saya tegaskan sebentar tadi, tahun ini kita perlu lebih agresif. Kita berfikir secara strategik, bertindak secara proaktif dan sentiasa menambah baik secara berterusan.

69. Universiti kita ini mempunyai banyak kekuatan. Pendekatan pembelajaran berteraskan kompetensi, konsep *teaching factory*, kurikulum kemahiran insaniah, latihan industri di semester akhir dan lain-lain adalah antara kekuatan yang ada pada kita. Namun kita jangan terperangkap dalam rasa selesa dengan kekuatan-kekuatan ini. Kita mungkin ada lima kekuatan utama, tetapi pada masa yang sama mungkin mempunyai 10

kelemahan ketara yang berpotensi menjejaskan kekuatan yang ada. Oleh sebab itu kita perlu selalu bermuhasabah.

70. Apa yang kuat kita perkasakan, apa telah perkasa kita angkasakan. Justeru, kita turut meletakkan nilai tambah berasaskan teknologi sebagai salah satu asas yang perlu diperkukuhkan mulai tahun 2008. Antara strategi yang telah dikenalpasti ialah:

- a. Menyediakan kemudahan jalur lebar;
- b. Meningkatkan pelaksanaan *e-learning*;
- c. Meningkatkan kemudahan perpustakaan digital;
- d. Menyediakan kemudahan nilai tambah di atas talian; dan
- e. Menyediakan perkhidmatan berasaskan nilai tambah teknologi ke arah memenangi Anugerah Perdana Teknologi Maklumat (Sektor Awam).

Semua PTJ dengan diupayakan oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi perlu giat bergerak ke arah matlamat di atas.

71. Saya percaya bahawa ada di kalangan pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat tidak mengetahui bahawa Universiti ini pernah memenangi Anugerah Perdana Teknologi Maklumat bagi kategori sektor Awam pada tahun 2003 iaitu setahun selepas penubuhannya. Saya kira

pencapaian tersebut adalah antara kejayaan yang paling cemerlang buat Universiti ini. Mulai tahun ini, kita akan membuat persediaan bagi memenangi semula anugerah berprestij ini dan sasaran kita, anugerah ini akan kembali menjadi milik Universiti Malaysia Pahang pada tahun 2010. Saya harap PTMK dan kita semua akan menyahut cabaran ini.

### **CSF 10: MEKANISME PEMBIAYAAN**

72. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Kekangan utama dalam pelaksanaan sesuatu projek atau dasar ialah kewangan. Kita bernasib baik kerana sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam, hampir keseluruhan perbelanjaan kita dibantu oleh Kerajaan Persekutuan melalui geran yang diberikan oleh Kementerian Kewangan. Sekali lagi ingin saya nyatakan bahawa jangan sesekali kita rasa selesa dengan keadaan ini. Kita juga perlu membantu mengurangkan beban kewangan kerajaan dan berusaha mencari sumber-sumber pembiayaan sendiri. Ini akan kita lakukan dengan penjanaaan pendapatan sendiri dan melaksanakan pendekatan perbelanjaan berhemah.

73. Justeru, mekanisme pembiayaan adalah antara asas yang akan terus diperkukuhkan pada tahun 2008 ini. Sasarannya mungkin kecil dari segi

peratusan, namun sekurang-kurangnya kita telah membuat persediaan sekiranya berlaku perubahan dalam dasar pembiayaan kerajaan terhadap operasi kita suatu hari nanti. Antara strategi yang telah dikenalpasti ialah:

- a. Mewujudkan anak syarikat dan Unit Perniagaan Strategik atau SBU;
- b. Membuat pelaburan;
- c. Menyewakan kemudahan atau perkhidmatan;
- d. Mewujudkan Tabung Amanah dan Yayasan UMP; dan
- e. Membudayakan pendekatan perbelanjaan berhemah.

Dalam hal ini, Jabatan Bendahari perlulah memainkan peranan utama.

### **HARAPAN SEMPENA TAHUN BARU 2008**

74. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Tanggal 1 Februari 2008 yang lalu, telah genap setahun penjenamaan semula Universiti Malaysia Pahang. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian di atas komitmen, sumbangan dan khidmat yang telah diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada tahun 2007. Tidak ketinggalan, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada anakanda-anakanda siswa dan siswi yang telah memberikan kerjasama



- erat kepada pengurusan universiti ke arah menjana kecemerlangan. Pengurusan universiti akan melakukan yang terbaik untuk membangunkan ilmu dan kepakaran anakanda siswa dan siswi sekalian.
75. Secara peribadi saya berpandangan bahawa tahun 2008 ini akan menjadi tahun yang amat mencabar buat kita. Kehidupan ini ibarat roda, sekejap di atas dan sekejap di bawah. Kata orang tua-tua, *"Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai."* Saya akur dengan hakikat bahawa dalam usaha untuk memajukan Universiti ini, saya tidak dapat memuaskan hati semua orang. Itu adalah normal kerana *"If you want to satisfy everybody, you will satisfy nobody."* Saya menyedari bahawa pasti ada rintangan dan halangan kepada setiap usaha yang baik dan murni.
76. Saya percaya sebagai manusia, kita punyai banyak kelemahan. Yang pentingnya, kita sentiasa berusaha ke arah mengatasi kelemahan yang ada dan membina kekuatan. Kita perlu tanya diri kita tentang nawaitu kita bekerja. Adakah kita berkhidmat kerana manusia atau adakah kita berkhidmat kerana Allah Taala? Jika seseorang berkhidmat kerana Allah Taala untuk organisasi, maka dia tidak gentar dikritik atau dicemuh kerana apa yang diharapkan ialah keredhaan Allah. Begitulah kita sekalian sebagai penjawat awam di Universiti ini, kita niatkan khidmat bakti kita kerana Allah Taala untuk kemajuan dan kesejahteraan agama, bangsa dan negara tercinta. Kukuhkan integriti, tingkatkan akauntibiliti, tinggikan

pekerti, hayati etika murni. Itulah falsafah "Memperkukuh Asas, Menjana Kecemerlangan".

77. Usaha menterjemahkan visi UMP merupakan tanggungjawab kita bersama. Sebagai Naib Canselor, pastinya saya memikul tanggungjawab yang amat besar. Namun begitu, kita semua berpeluang untuk memberikan sumbangan bermakna ke arah menterjemahkan wawasan ini. Jika kita bekerja sebagai satu pasukan yang mantap, kita akan dapat saling kukuh-memperkukuhkan di antara satu sama lain. Malah saya percaya, kita mampu mewujudkan sinergi yang membolehkan kita memainkan peranan lebih besar secara bersama berbanding sekiranya melakukannya secara serpihan, apatah lagi secara sendirian.

### **KATA PENUTUP**

78. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih di atas komitmen yang telah diperlihatkan oleh tuan-tuan dan puan-puan. Semoga pada tahun 2008 ini, Allah Taala akan terus melimpahkan rahmat peliharaan-Nya ke atas Universiti Malaysia Pahang. Saya juga berdoa agar kita sekalian terus diberikan kekuatan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Universiti ini.

Memperkukuh asas, menjana kecemerlangan!

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.